

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan melalui Dasar Mineral Negara 2021 telah mensasarkan 5 mineral strategik negara iaitu NR-REE, Bauksit, Bijih Timah, Pasir Silika dan Kaolin. Apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan industri ini benar-benar mengikuti prinsip kemampanan.

JAWAPAN

1. Di dalam Kerangka Pelan Transformasi Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) yang telah dilancarkan pada 22 April 2021, kerajaan telah mensasarkan bagi membangunkan industri berasaskan mineral strategik seperti unsur nadir bumi bukan radioaktif (*Non-Radioactive Rare Earth Elements – NR-REE*), bauksit, bijih timah, pasir silika dan kaolin secara mampan. Kerangka Pelan TIM 2021-2030 ini telah menggariskan halaju kerajaan untuk meningkatkan sumbangan industri mineral kepada usaha pembangunan negara dengan mematuhi prinsip kemampanan dan kelestarian alam sekitar. Pelan tersebut telah menggariskan 5 teras utama iaitu:

Teras 1: Tadbir Urus dan Perundangan;

Bertujuan memperkasakan sistem tadbir urus dan perundangan sedia ada seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994, Enakmen dan Ordinan Mineral Negeri-Negeri, Peraturan-peraturan Mineral Negeri

bagi tujuan penyelarasan berkaitan industri mineral antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Teras 2: Pembangunan Rantaian Nilai Industri Mineral;

Bertujuan membangunkan keseluruhan nilai rantaian aktiviti industri mineral yang menghubungkan antara satu sama lain melalui penstrukturran sektor huluan, pertengahan dan hiliran.

Teras 3: Inventori dan Pemetaan Sumber Mineral;

Bertujuan mewujudkan pangkalan data sumber mineral negara yang lengkap bagi tujuan pengenalpastian potensi sumber mineral yang sesuai untuk diusaha hasilkan.

Teras 4: Teknologi dan Inovasi;

Membangunkan teknologi dan mempergiat hasil inovasi supaya negara bersedia untuk memperkembangkan lagi bidang industri mineral terutama di peringkat pertengahan dan hiliran.

Teras 5: Pembangunan Modal Insan.

Bertujuan memperkuuhkan kemahiran modal insan di sektor lombong dan kuari melalui program akreditasi dan pensijilan.

2. Kementerian juga amat memahami sensitiviti orang awam dan Pihak Berkuasa Negeri dalam hal berkaitan tanah, sumber mineral dan alam sekitar. Setakat ini, Kementerian telah menggubal dokumen Prosedur Operasi Standard khusus bagi NR-REE dan bauksit bertujuan mengawal selia aktiviti perlombongan agar dapat dijalankan dengan bertanggung jawab dan mampan.
3. Kementerian yakin Pelan TIM 2021-2030 dapat membantu dalam memastikan industri mineral negara dimajukan dengan dengan mematuhi prinsip kemampanan dan kelestarian alam sekitar. Sesi libat urus juga akan sentiasa dijalankan oleh pihak Kementerian bersama semua pemegang taruh dalam memperkenalkan dasar-dasar, hala tuju baharu dan perundangan di peringkat Persekutuan dan Negeri berkaitan pembangunan industri mineral seperti Pelan TIM 2021-2030 terutamanya apabila melibatkan industri berdasarkan mineral strategik. Sekian, terima kasih.